AGAMA DAN MASYARAKAT

ALIM ULAMA DITUNTUT MENEGASKAN PENDIRIAN

Agama Islam adalah beberapa peraturan, perintah dan larangan, pengajaran dan pertunjukkan yang didatangnya dari Tuhan yang Maha Kuasa dan diletakkan tanggungjawab menjalankan dan berjalan di atasnya kepada manusia dengan tujuan supaya mereka mendapat kebahagiaan yang sejati di dunia dan di akhirat. Dari penjelasan ini dapat memahaminya bahawa agama adalah untuk kebaikan manusia semata-mata.

(oleh Al-Adib Zulkifli Muhammad)

Dari Badan Persuratan Persekutuan Putera Semenanjung Mesir

Lunak, bertambah-tambah elok, dan bertambah-tambah luas dan dengan yang demikian padanlah dan sesuailah Kalamullah telah diturunkan dengan bahasa mereka itu. Sudah barang tentu Al-Quran diturunkan dengan loghat kaum Quraisy yang menjadi mustika bahasa Arab, sementelah pula junjungan kita sendiri daripada kaum Quraisy kalau kaum Quraisy dari beberapa segi dipandang oleh seluruh bangsa Arab sebagai suatu kaum yang berkedudukan istimewa, tentu sahaja bahasa dan gaya pertuturan mereka itu terpandang istimewa dan layak menjadi bahasa Kalamullah yang Maha Suci.

Kalau pula Al-Quran diturunkan dengan loghat yang bukan loghat Quraisy yang menjadi loghat Nabi sendiri, nescaya tidaklah dapat terdiri timbangan di antara bahasa Al-Quran dengan bahasa junjungan kita (SAW) dan yang demikian akan menyebabkan segala puak-puak dan suku-suku Arab masing-masing akan mengambil pengertian secara sendiri pada memahamkan isi Al-Quran yang berakibat akan menerbitkan perpecahan kelak.

Bahasa Al-Quran telah terbentuk menurut suatu kaedah yang dapat dibaca dan difaham oleh tiap-tiap puak Arab menurut gaya petuturan masing-masing, sedang bahasa Al-Quran tetap tidak berubah segala kepetahannya dalam bentuk susunannya. Yang demikian ini adalah suatu siasah bahasa yang telah mempersatu padukan bangsa Arab kepada gaya petuturan yang satu, supaya mereka menjadi umat yang satu. Oleh itu maka Al-Quran

Oleh sebab tumpuan pandangan kita pada masa ini terletak kepada masyarakat bangsa kita yang ingin mencari kemajuan dan kebahagiaan dalam segala lapangan hidup dan oleh kerana beberapa perkara pernah bertentang dengan perintah agama maka saya akan menjadikan soal masyarakat dan agama sebagai soal utama.

Untuk memulai bahasan ini eloklah ditegaskan bahawa Islam sebagai satu agama yang mempunyai peraturan dan kaedah yang tertentu yang terdiri dengan sendirinya dan tak boleh hanyut atau dihanyutkan ke hilir menurut apa-apa kemahuan dan dorongan pun. Ini tidaklah bermakna Islam itu keras berdenting-denting atau sempit melemaskan, tetapi Islam ada asas dan pendiriannya. Di dalam lingkungan asasnya dan di atas pendiriannya Islam ialah satu agama yang luas. Hakikat ini ternyata bila kita halusi dasar-dasar Islam dan sudah tentu kita akan mendapat penjelasan bagaimana luasnya medan gelanggang undang-undang Islam. Sesuatu perkara yang dibincangkan dalam Islam adalah mendapat layanan yang

---

adalah mempunyai kesan yang terang nyata mempersatukan bahasa Arab dan memperkembangkannya, serta menjadikan dia kekal hidup sepanjang masa.

(Dalam keluaran yang akan datang akan disiarkan: "Al-Quran Al-Karim dan kesannya kepada masyarakat, akhlak, dan ilmu pengetahuan.")

cukup dan luas.

Jadi kalau di sana ada beberapa tuntutan masyarakat dan kemahuan kepada sesuatu perkara maka janganlah difikirkan Islam itu akan melintang sebagai galangan perkara itu dengan ikhlas dan halusnya hendaklah diperiksa dari sudut Islam. Pandanglah dengan teliti dan adil di mana letaknya perkara itu – Apa sebabnya, ke mana tujuannya, bagaimana jalannya, dan apa baik buruknya. Alasan-alasan menyebelah dan menentang perkara itu hendaklah ditimbang dengan saksama dengan memakai kaca mata pengetahuan, agama, mantiq dan fikiran yang siuman.

Kita janganlah memakai falsafah Mechiavilli dalam semua perkara (iaitu falsafah asalkan tujuannya baik kerjakanlah walaupun jalannya salah) sebab yang salah tetap salah jua. Kemajuan dan kemerdekaan akan dicapai menurut perjuangan yang diakui undang-undang adalah cogan perjuangan kita hari ini, tetapi ertikata undang-undang itu mestilah meliputi undang-undang negara dan agama sekali, bukan hanya dengan sebelah sayap. Langkah memejamkan mata dari agama itu adalah salah membahayakan perjuangan kita.

Masyarakat selalu tidak merasa puas sebab hanya hukum-hukum sahaja yang sampai kepada mereka sedang erti dan hikmatnya tersembunyi. Inilah suatu hakikat yang menyedihkan apalagi jika dalam perkara yang besar ertinya untuk masyarakat. Alim ulama kita tidaklah harus pada masa ini mengemukakan soal agama dengan begitu sahaja bahkan hendaklah memuaskan masyarakat dengan alasan-alasan yang difahaminya bukan hanya dengan kalimah-kalimah yang menjadi teka teki. Gunakanlah roh undang-undang Islam sebagai pedoman tatkala memperkatakan suatu soal agama. Jika kita mahukan masyarakat berjalan di atas landasan agama maka mestilah alim ulama kita bersungguh-sungguh berusaha memberi penerangan akan hakikat Islam yang sejati dan memimpin masyarakat sebagaimana yang dikehendaki oleh agama kita. Jika tidak maka dari sehari ke sehari masyarakat kita akan jauh dari agama dan ketika itu tiadalah siapa yang akan ditempelak selain dari alim ulama sendiri.

Walaupun begitu, patut diingatkan kepada masyarakat bahawa agama tidaklah dapat diputar-putarkan menurut kemahuan sesuatu masyarakat meskipun agama itu untuk masyarakat tetapi ianya mempunyai dasar yang bersendirian dan agamalah yang mengarahkan masyarakat buka ia sebagai alat sahaja. Masyarakat mestilah meletakkan agama itu di hadapan setiap waktu, bukan bila dirasa sempit sahaja. Oleh yang demikian maka kerjasama ahli perjuangan siasah dan ahli agama di dalam sesuatu masyarakat sangatlah penting, dengan bersendikan tulus ikhlas dan hormat menghormati. Masyarakat kita akan rugi serugi-ruginya jika masing-masing menyalahkan puak yang lain dan memandangnya sebagai lawan dan musuh ketatnya.

Barangsiapa yang menurutkan hawa nafsunya nescaya ia jual agamanya dengan dunianya.

-----✳----------✳----

Saya hairan kepada orang yang jahil tentang dirinya, bagaimana dapat ia mengenal Tuhannya?